



PERCUMA



PENANG
2030

BULETIN MUTIARA

16 - 31 DISEMBER, 2021



www.buletinmutiara.com



buletinmutiara | ChowKonYeow



chowkonyeow



@ChowKonYeow

PSI perkaskan ekonomi komuniti dilibatkan secara aktif



KETUA MENTERI bersama-sama barisan kepimpinan kerajaan negeri merakam gambar kenangan sejurus merasmikan PPSN Sungai Batu di sini baru-baru ini.

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**

Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

BAYAN LEPAS - Kerajaan Negeri Pulau Pinang menubuhkan satu lagi Pusat Perkhidmatan Setempat Nelayan (PPSN) dekat Sungai Batu, di sini sebagai platform penyaluran maklumat dan perincian projek berkaitan Penang South Islands (PSI).

PPSN Sungai Batu merupakan yang ketiga dibangunkan di negeri ini selepas PPSN Permatang Damar Laut pada tahun 2016 dan PPSN Gertak Sanggul (2017).

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa penubuhan sebuah lagi PPSN adalah untuk memastikan golongan nelayan dilibatkan secara

aktif dalam projek PSI agar manfaat pembangunan dapat dinikmati oleh komuniti berkenaan.

"PPSN akan berperanan mendaftarkan orang ramai yang berminat untuk bekerja dalam pembangunan PSI serta menyelaras program-program penglibatan komuniti bagi pelaksanaan skim Pelan Pengurusan Impak Sosial (SIMP).

"Seperti yang dimaklumkan, manfaat SIMP adalah termasuk bantuan kewangan (*ex-gratia*), pemberian bot dan enjin kepada tekong dari Permatang Tepi Laut, Sungai Batu, Teluk Kumbar dan Gertak Sanggul.

"Selain itu, skim latihan dan kemahiran, skim pendidikan untuk anak nelayan, peluang pekerjaan dan perniagaan serta bantuan perumahan turut diberikan melalui skim SIMP," katanya semasa

merasmikan PPSN Sungai Batu di sini 11 Disember lalu.

Hadir sama, Exco Infrastruktur dan Pengangkutan, Zairil Khir Johari; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bayan Lepas, Azrul Mahathir Aziz; Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan), Dato' Azhar Arshad; Pegawai Daerah Pejabat Daerah Barat Daya, Mohd. Hafiz Aswad Nadzri dan Ketua Pegawai Eksekutif Penang Infrastructure Corporation Sdn. Bhd., Dato' Seri Farizan Darus.

Sehubungan itu, Kon Yeow menegaskan bahawa pandangan sesetengah pihak yang menyatakan pembangunan PSI bakal meminggirkan masyarakat setempat khususnya komuniti nelayan adalah tidak benar sama sekali.

(Sambungan di muka 2).

(Sambungan dari muka 1).

Manfaat pembangunan dinikmati komuniti

"Dalam usaha merealisasikan pembangunan PSI yang bakal memperkasakan sektor ekonomi negeri bagi jangka masa panjang, Kerajaan Negeri juga ingin melihat komuniti selatan pulau Pulau Pinang terutamanya nelayan dapat bersama-sama menikmati kemajuan ini.

"Justeru, komuniti nelayan di selatan pulau Pulau Pinang akan menjadi golongan masyarakat terawal yang akan menikmati kebaikan daripada pembangunan PSI melalui skim SIMP," tegasnya.

Mengulas lanjut, beliau memberitahu bahawa sehingga 30 November 2021, seramai 45,034

orang telah terlibat dalam sesi libat urus melalui pelbagai perjumpaan yang dijalankan.

"Maklumat serta maklum balas nelayan yang dikumpul oleh PPSN ini sangat membantu Kerajaan Negeri dalam merangka skim SIMP yang akan memanfaatkan komuniti," ulasnya.

Dalam perkembangan berkaitan, Kon Yeow memaklumkan bahawa manfaat yang dijanjikan melalui skim SIMP masih tidak dapat dilaksanakan akibat pembatalan kelulusan Laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) 2019 yang dikemukakan Kerajaan Negeri oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada September lalu.

Beliau berkata, perkara itu adalah termasuk pembinaan empat jeti baharu dekat Sungai Batu bagi memudahkan nelayan untuk menangkap ikan apabila pembangunan PSI dilaksanakan kelak.

"Jadi, saya rasa komuniti di sini faham bahawa kita (Kerajaan Negeri) bukan tidak mahu menunaikan janji (manfaat skim SIMP) tetapi ia tidak dapat dilaksanakan kesan daripada pembatalan EIA tersebut," jelasnya yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi.

Difahamkan, waktu operasi PPSN Sungai Batu adalah pada setiap hari kecuali Sabtu dan Ahad dari jam 9 pagi hingga 5 petang.

PUSAT PANGGILAN CPRC, CAC DAN BANTUAN SEBAGAI RUJUKAN LANJUT:



Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis (CPRC) Pulau Pinang (dikemas kini sehingga 31 November 2021)

Hari Bekerja : 8.00 pagi – 5.00 petang
Hari Minggu/Cuti : 9.00 pagi – 3.00 petang

CPRC Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang

Telefon : 04-261 2533 / 04-261 2120 / 04-262 9902
E-mel : epid_penang@moh.gov.my

Pejabat Kesihatan Daerah Timur Laut

Telefon : 04-281 0455 / 04-281 8900 / 019-477 8501
E-mel : cdcptl@gmail.com

Pejabat Kesihatan Daerah Barat Daya

Telefon : 04-866 1194 / 04-866 1209 / 04-866 1269 / 019-422 8357
E-mel : cdcpkdb@gmail.com

Pejabat Kesihatan Daerah Seberang Perai Utara

Telefon : 04-575 1833
E-mel : ukbpsu@gmail.com

Pejabat Kesihatan Daerah Seberang Perai Tengah

Telefon : 04-538 2453 / 04-538 1455
E-mel : cdcspt@gmail.com

Pejabat Kesihatan Daerah Seberang Perai Selatan

Telefon : 04-594 3351
E-mel : cdcspes2016@gmail.com

PINTU MASUK ANTARABANGSA

Hari Bekerja :
8.00 pagi – 5.00 petang
Hari Minggu/Cuti:
9.00 pagi – 6.00 petang

Pejabat Kesihatan Lapangan Terbang (Airport)

Telefon : 04-646 1928
E-mel : cdc.pkpia@gmail.com

Pejabat Kesihatan Pelabuhan (Seaport)

Telefon : 04-261 1264
E-mel : pkmpapp.cdc@gmail.com

Pusat Penilaian COVID-19 (CAC) Pulau Pinang

(dikemas kini sehingga 22 November 2021)

PEJABAT KESIHATAN DAERAH BARAT DAYA

LOKASI CAC	WAKTU OPERASI	NO. TELEFON YANG BOLEH DIHUBUNGI
Dewan Bukit Belah Teluk Kumbar	Isnin – Ahad (Termasuk hari pelepasan am) 9.00 pagi – 1.00 petang	04-866 1583 04-866 0155 8.00 pagi – 5.00 petang

PEJABAT KESIHATAN DAERAH TIMUR LAUT

LOKASI CAC	WAKTU OPERASI	NO. TELEFON YANG BOLEH DIHUBUNGI
Secara Pandu Lalu (Drive Thru) di perkarangan luar Kompleks Masyarakat Penyayang	Isnin – Jumaat 9.00 pagi – 12.30 tengah hari 2.00 petang – 4.00 petang Sabtu, Ahad dan Cuti Umum (Waktu Bekerja)	016-249 7238 04-218 9003 Isnin – Jumaat 8.00 pagi – 5.00 petang Sabtu, Ahad dan Cuti Umum (8.00 pagi – 1.00 petang)
9.00 pagi – 12.30 tengah hari		

PEJABAT KESIHATAN DAERAH SEBERANG PERAI UTARA

LOKASI CAC	WAKTU OPERASI	NO. TELEFON YANG BOLEH DIHUBUNGI
Dewan Besar Sungai Dua Seberang Perai Utara	Isnin – Ahad (Termasuk hari pelepasan am) Sabtu - Khamis 2.30 petang – 4.00 petang Jumaat 3.00 petang – 5.00 petang	04-575 1833 (Setiap hari 8.00 pagi – 5.00 petang) 04-575 5533 (Waktu Bekerja)

PEJABAT KESIHATAN DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH

LOKASI CAC	WAKTU OPERASI	NO. TELEFON YANG BOLEH DIHUBUNGI
CAC Seberang Perai Tengah Pusat Kokurikulum Bukit Mertajam	Isnin – Jumaat 9.00 pagi – 4.00 petang (Rehat : 1.00 petang – 2.00 petang) Sabtu, Ahad dan Cuti Umum 9.00 pagi – 1.00 petang	010-988 9891

Pusat Kokurikulum : Hari Akhir Operasi 19 Disember 2021 (Ahad)
20 Disember (Isnin) : CAC Fizikal di Klinik Kesihatan PERDA

PEJABAT KESIHATAN DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN

LOKASI CAC	WAKTU OPERASI	NO. TELEFON YANG BOLEH DIHUBUNGI
CAC Seberang Perai Selatan Bukit Panchor	Isnin – Ahad (Harian) 2.30 petang – 4.30 petang	04-593 5892 (Sambungan 166) 019-411 7533

Penang COVID-19 Call Centre (PCC): 04-291 0110 (24 jam)

PGcare Alliance : 04-642 7777 (10 pagi – 5 petang, setiap hari)





PKRCS CREST/Hotel Mei tersentuh dihargai bekas pesakit

Oleh : SUNARTI YUSOFF

Gambar : DARWINA MOHD. DAUD

PUSAT Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah Swasta (PKRCS) pertama di Pulau Pinang atas inisiatif pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Crisis Relief Services and Training Berhad (CREST) dan beroperasi di Hotel Mei dekat Lorong Abu Siti di sini telah menamatkan operasi secara rasminya pada 13 November lalu.

Sepanjang hampir dua bulan beroperasi sejak 1 Oktober 2021, pusat kuarantin dan rawatan yang dikenali sebagai PKRCS CREST/Hotel Mei pernah menerima 152 pesakit dengan simptom ringan (Kategori 1 dan 2) yang ditentukan oleh Pusat Penilaian COVID-19 (CAC) atau Pegawai Kesihatan Daerah (PKD).

Daripada 152 pesakit tersebut, seramai 132 orang menjalani kuarantin di PKRCS CREST/ Hotel Mei, manakala 20 orang lagi dirujuk ke Hospital Pulau Pinang atau pusat perubatan lain untuk rawatan lanjut.

PKRCS CREST/Hotel Mei yang diwujudkan melalui usaha bersama dua pihak iaitu CREST dan Hotel Mei menawarkan penempatan sementara secara percuma kepada golongan isi rumah berpendapatan 40 peratus paling rendah (B40) di negeri ini.

CREST Malaysia merupakan NGO yang membantu golongan kurang mampu yang memerlukan, pelarian serta mangsa bencana dengan menyediakan makanan, pakaian, tempat tinggal, perubatan, penjagaan kesihatan asas dan kaunseling.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow ketika merasmikan penutupan PKRCS tersebut merakamkan ucapan terima kasih kepada CREST dan Hotel Mei atas usaha untuk membantu golongan yang memerlukan di negeri ketika penularan pandemik COVID-19 memuncak.

“Saya gembira bahawa PKRCS CREST/ Hotel Mei telah melaksanakan perannya sebagai pusat kuarantin COVID-19 berisiko rendah di Pulau Pinang dengan dibantu serta disokong oleh para sukarelawan dan penderma.

“Tugas seterusnya yang menanti kita semua adalah untuk membina semula kehidupan serta mata pencarian rakyat dan menghidupkan kembali ekonomi negeri ini.

“Perkara ini boleh dilakukan selagi kita tidak berputus asa, dan saya percaya rakyat Pulau Pinang tidak mudah berputus asa,” ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjung.

Turut hadir, ADUN Komtar yang juga Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri,



LAWATAN Ketua Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri sebelum pengoperasian PKRCS CREST/Hotel Mei pada 18 September 2021.

Teh Lai Heng; ADUN Pengkalan Kota, Daniel Gooi Zi Sen; Pengarah Eksekutif CREST Malaysia, Cheong Chee Keen, Pemilik Hotel Mei, Datuk Cheng Mei Man dan anaknya, Gerald Lee serta Pengurus Besar Hotel Mei, John Kim.

Tambah Kon Yeow, walaupun kes baru COVID-19 di Pulau Pinang dan seluruh negara menunjukkan penurunan tetapi orang ramai masih perlu berwaspada kerana perang melawan virus itu masih belum berakhir.

Tambah beliau, Pulau Pinang sebelum ini pernah berdepan detik sukar sehingga menyebabkan sistem kesihatan hampir lumpuh sepenuhnya susulan peningkatan kes baru COVID-19 yang sangat tinggi pada setiap hari.

“Sistem kesihatan kita sangat tertekan dalam usaha memenuhi keperluan mendesak bagi menampung jumlah kes positif COVID-19 setiap hari.

“Namun begitu, petugas barisan hadapan kita dilihat terus berjuang walaupun mereka sudah terlalu kepenatan.

“Ketika itu merupakan waktu sukar yang benar-benar menguji ketahanan kita semua tetapi dari satu segi, tempoh yang sukar ini telah mengajar kita bahawa hanya dengan kerjasama semua pihak kita mampu meraih kekuatan luar biasa ini.

“(Dan) majlis penutupan PKRCS CREST Hotel Mei menjadi bukti bahawa kita telah berjaya menempuh waktunya yang sukar ini.

“Malah, keberkesanannya program vaksinasi sememangnya memberikan kelegaan kepada semua, tetapi memandangkan kita masih belum menang maka semua pihak perlu terus berwaspada,” tambahnya.

Sementara itu, Chee Keen ketika ditemui Buletin Mutiara selepas itu berkata bahawa pihaknya memulakan operasi PKRCS CREST/Hotel Mei

dengan harapan untuk membantu golongan B40 yang mengalami kesukaran untuk menjalani kuarantin di rumah.

Ketika ditanya apakah kenangan paling diingati sepanjang hampir dua bulan beroperasi, beliau memberitahu bahawa apabila ada seorang wanita dengan empat anak dari Bukit Mertajam meminta bantuan selepas salah seorang anak lelakinya dijangkiti COVID-19.

“Mereka dihalau keluar dari rumah sewa selepas pemilik mengetahui salah seorang anaknya disahkan positif COVID-19, dan mereka mula menjadi gelandangan sejak dari itu.

“Wanita itu kemudiannya membawa anak lelakinya ke sini (PKRCS) tetapi beliau tidak tahu cara untuk pulang semula ke Bukit Mertajam, dan kami terpaksa mengajarnya cara menggunakan GPS (Global Positioning System).

“(Dan) kami telah menghubungi rakan-rakan di Bukit Mertajam untuk meminta bantuan supaya menyediakan tempat tinggal sementara kepada mereka sekeluarga,” katanya.

Tambah Chee Keen, kejayaan operasi PKRCS CREST/ Hotel Mei adalah kerana dibantu oleh pasukan yang berdedikasi iaitu terdiri daripada 93 sukarelawan, pegawai perubatan dan bukan perubatan bersama-sama penderma serta penaja.

Pada kesempatan sama, beliau turut menzahirkan penghargaan kepada PPB Group Berhad, yang diasaskan pada 1968 sebagai Perlis Plantations Group kerana telah menyumbangkan makanan.

“Ini telah menampung sebanyak 40 peratus daripada perbelanjaan kami,” jelasnya.

Mei Man yang merupakan ahli perniagaan dari Taiwan memberitahu

bahawa semasa pandemik COVID-19, kebanyakan hotel ditutup dan ia menjadi faktor Hotel Mei bersedia membantu Kerajaan Negeri untuk meringankan beban sistem kesihatan.

“Ini kerana ketika itu sistem penjagaan kesihatan di negeri ini menghadapi masalah kekurangan katil untuk pesakit COVID-19 di hospital-hospital dan pusat kuarantin.

“Disebabkan kami tidak boleh beroperasi maka kami bersedia untuk mengambil bahagian dalam kerja amal ini.

“Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan perniagaan kami yang pada mulanya berasa takut apabila kami menawarkan hotel ini sebagai PKRCS tetapi mereka kembali memberikan sokongan selepas mendapat penjelasan lanjut,” katanya.

Dalam pada itu, John Kim pula berkata bahawa Hotel Mei akan mengambil masa selama dua minggu untuk membersihkan premisnya sebelum dibuka semula untuk perniagaan pada 1 Disember 2021.

Beliau berkata, usaha membantu pesakit COVID-19 sangat berbaloi walaupun terpaksa berpeluh kerana mengenakan pakaian pelindung diri (PPE).

“Kita berasa sangat lega kerana tiada seorang pun daripada 93 sukarelawan terlibat yang dijangkiti COVID-19.

“Paling menyentuh hati adalah apabila kami menerima lukisan daripada murid sekolah rendah mengucapkan terima kasih kepada kami selepas dia dibenarkan pulang pada hari ke-10 menjalani kuarantin.

“Ada juga satu kes yang mana seorang pesakit membelikan kami donat sebagai tanda terima kasih.

“Walapun berasal dari latar belakang keluarga yang amat memerlukan tetapi dia sanggup membelanjakan wangnya untuk menunjukkan penghargaannya kepada kami,” ulasnya.

Galak penyertaan belia demi pembangunan holistik

Oleh :
**ZAINULFAQAR
YAACOB**
 Gambar :
**MUHAMMAD
AMIR IRSYAD
OMAR**

GEORGE TOWN - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berharap lebih ramai muda mudi dilibatkan dalam program seumpama sidang Muda Pulau Pinang demi merealisasikan Visi Penang2030 Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara.

Beliau yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi berkata demikian semasa merasmikan Sidang Muda 2021 dekat Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang di sini pada 30 Oktober 2021.

"Setelah berhempas pulas dalam empat sesi yang diadakan sejak April lalu, hari ini adalah kemuncak kepada pengorbanan,



KETUA Menteri bersama-sama Law Choo Kiang (kanan sekali) dan Soon Lip Chee (kiri sekali) menunjukkan sijil penghargaan dan gambar rajah aturan DUN semasa merasmikan Sidang Muda 2021 di sini baru-baru ini.

dengan moto Negeri Berteraskan Keluarga

penat lelah dan titik peluh anda semua dalam mengharungi ujian kelayakan ini.

"Tahniah dan syabas kepada 38 Ahli Sidang Muda yang sungguh berani dalam menyahut cabaran untuk melangkah keluar dari zon selesa bagi meneroka peluang serta cabaran hidup yang baharu ini.

"Selaras dengan Visi Penang2030 - Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara, kita merangka dan melipatgandakan pelbagai program

RAKAMAN gambar kenangan bersama-sama para peserta dengan berlatarbelakangkan bangunan DUN Pulau Pinang.



serta inisiatif bagi tujuan menggalakkan penyertaan lebih ramai golongan belia untuk kita mendidik, membangun dan memperkasakan ke arah pembangunan yang holistik," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong.

Persidangan itu dikemudi oleh Speaker DUN, Dato' Law Choo Kiang dan turut

disertai barisan Exco Kerajaan Negeri, beberapa ADUN serta Ahli Parlimen lain.

Kon Yeow dalam pada itu turut merakamkan penghargaan kepada Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee dan Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC), Dr. Gwee Sai Ling yang secara langsung menjayakan Sidang Muda 2021 pada kali ini.

PPH Padang Chempedak, pusat pendidikan hijau holistik pertama

TASEK GELUGOR - Pusat Pendidikan Hijau (PPH) Padang Chempedak yang dibangunkan melalui jalinan usaha sama strategik antara Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) bersama-sama Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Urbanest Sdn. Bhd. (Urbanest) merupakan yang pertama seumpamanya dalam negara.

Datuk Bandar MBSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata, pusat yang dibangunkan secara holistik di atas tanah seluas 1.4 ekar milik pihak berkuasa tempatan itu memberi fokus kepada Pertanian Digital (*Digital Farming*) dan Ekonomi Kitaran (*Circular Economy*).

"Pusat ini merupakan hasil kerjasama strategik menggunakan pendekatan perkongsian pintar melalui Konsep 7P (*People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher dan Planet Partnership*) yang berteraskan sistem akuaponik, fertigasi, kompos, kraf, penggunaan teknologi *internet of things* (IoT) dan sensor.

"Pusat ini juga bakal memberi manfaat kepada rakyat melalui pembangunan modal insan dalam melahirkan *Training of Trainers* (ToT) bagi pengkomposan, kebun komuniti, *upcycle* dan pertanian bandar melalui pelbagai metodologi bagi memastikan keberkesaan PPH ini," ujarnya ketika berucap pada Majlis Perasmian Pusat Pendidikan Hijau Padang Chempedak di sini baru-baru ini.



TUN Ahmad Fuzi Abdul Razak (berkot kelabu) dan isteri sambil diiringi Sr. Rozali Mohamud (empat dari kiri) memerhatikan hasil tanaman cili pada Majlis Perasmian Pusat Pendidikan Hijau Padang Chempedak di sini baru-baru ini.

yang turut berucap pada majlis tersebut; Pengurus Lembaga Pengarah UPSI, Puan Sri Rohani Parkash Abdullah; Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UPSI, Prof. Dr. Marzita Puteh; Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UPSI, Prof. Dr. Suriani Abu Bakar; Ketua PPH merangkap Ketua Perunding Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif UPSI, Prof. Madya Dr. Che Zalina Zulkifli serta delegasi pensyarah, pegawai kanan dan perunding UPSI.

Dalam pada itu, Marzita ketika menyampaikan ucapan pembuka menzahirkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan pembangunan PPH Padang Chempedak.

"Terima kasih MBSP kerana memberi kepercayaan iaitu hak pengurusan sepenuhnya di atas tanah 1.4 ekar ini menerusi memorandum persefahaman yang ditandatangani pada 23 Mac 2021.

"Setakat ini, kejayaan PPH adalah aktiviti penanaman cili menerusi sistem fertigasi 1,200 polibeg yang berjaya mengeluarkan hasil sebanyak hampir satu tan dalam tempoh lima bulan.

"Hasil cili tersebut sebahagiannya disumbangkan kepada komuniti dan sebahagian lagi dipasarkan kepada kedai-kedai makan berhampiran dengan harga 50 peratus lebih rendah daripada harga pasaran.

"Selain itu, pusat ini juga bakal menjadi lapangan rujukan aktif dan terbuka kepada masyarakat, sekolah, institut pengajian tinggi serta industri sama ada di peringkat nasional maupun antarabangsa dalam menjadikan PPH Padang Chempedak sebagai hab penyelidikan; pengkomersilan dan ekopelancongan.

"Kejayaan ini membuktikan bahawa MBSP cakna dalam memastikan semua penduduk di Seberang Perai menghayati dan mengaplikasi konsep hijau dalam semua aspek kehidupan," jelasnya yang turut berharap untuk menjalankan lebih banyak projek usaha sama pada masa hadapan.

Usai lafadz perasmian, Ahmad Fuzi kemudiannya menerima Buku Inisiatif Kelestarian Hijau hasil karya UPSI sebelum menyempurnakan gimik perasmian dengan menandatangani plak Pusat Pendidikan Hijau Padang Chempedak dan dibawa ke tapak tanaman fertigasi cili.

Ahmad Fuzi dan isterikemudiannya menyempurnakan penanaman pokok 'Manggis Hutan' atau nama saintifiknya '*Garcinia Subelliptica*' sebagai simbolik Sambutan Hari Bandaraya Seberang Perai Ke-2.

PPH Padang Chempedak adalah komitmen MBSP ke arah menjadikan Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau dan Kompetitif serta menjadi bandar raya mampan dan pintar 'Aspirasi Bandar Masa Hadapan'.



Visi Penang2030 terima anugerah antarabangsa

Oleh : ZAINULFAQAR YAACOB

GEORGE TOWN - Visi Penang2030 yang digagaskan sendiri oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memperoleh pengiktirafan *Asian Oceanian Computing Industry Organisation (ASOCIO) ICT Awards 2021* bagi Kategori Kerajaan Digital.

Acara penyampaian anugerah tersebut berlangsung pada 12 November lepas sempena Sidang Kemuncak Digital ASOCIO 2021 yang diadakan serentak dengan Kongres Teknologi Maklumat Sedunia Kali Ke-25 di Dhaka, Bangladesh (11-14 November 2021).

Memaklumkan perkara itu, Kon Yeow memberitahu bahawa Pulau Pinang merupakan satu-satunya pihak dari Malaysia yang berjaya mendapat salah satu daripada 34 anugerah yang diwujudkan bersempena sidang berkenaan.

"ASOCIO merupakan persekutuan serantau berkaitan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang mana terdiri daripada 24 negara ahli dari rantau Asia; meliputi 10,000 firma dengan jumlah perniagaan tahunan sebanyak USD\$500 bilion.

"Dengan penerimaan anugerah ini, saya berbesar hati kerana wawasan pembangunan masa depan Pulau Pinang (hingga tahun 2030) yang dikenali sebagai Visi

Penang2030 mendapat perhatian dari seluruh dunia kerana negeri ini tidak mengabaikan usahanya dalam menjadikan aspek pendigitalan maklumat sebagai cara hidup baharu terutamanya semasa pandemik (COVID-19)," jelasnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Ekonomi dan Komunikasi dalam satu kenyataan bertulis di sini pada 14 November 2021.

Pada kesempatan sama, beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong turut merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menggagaskannya Visi Penang2030.

"Penyerahan anugerah dilakukan oleh Persatuan Teknologi Kebangsaan Malaysia (PIKOM).

"Antara perkara yang diketengahkan dalam penghujahan itu adalah merelevankan Visi Penang2030 dalam melaksanakan strategi serta penyelesaian digital demi meningkatkan kehidupan rakyat," ujarnya.

Tambah Kon Yeow, dua aplikasi pintar iaitu *Penang Smart Parking* dan *PgCare Alliance* antara yang dinilai seterusnya melayakkan Pulau Pinang mendapat anugerah berkenaan.

Pada acara berasingan sebelum itu, Kon Yeow turut melancarkan fasa dua Visi Penang2030 serentak dengan peluncuran portal *penang2030.com*.

Bertempat di ibu pejabat badan pemikir Kerajaan Negeri, *Penang Institute (PI)*, Kon Yeow memberitahu bahawa platform sehenti dalam talian itu diwujudkan demi meningkatkan lagi kualiti hidup sekalian penduduk di negeri ini.

Di samping itu, beliau memberitahu bahawa pandemik COVID-19 yang melanda seluruh negara turut mempercepatkan proses pendigitalan perkhidmatan berkaitan demi merealisasikan moto Visi Penang2030 iaitu Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara.

"Selepas berakhirnya wabak itu, keperluan untuk penglibatan awam adalah lebih kuat berbanding sebelum ini, dengan negara mempersiapkan dirinya untuk dorongan pendigitalan ke masa depan.

"Fasa dua Visi Penang2030 sebagai strategi yang melengkapkan pelan pemulihan COVID-19 negeri dan mempercepatkan pencapaian Visi Penang2030.

"Masa depan digital adalah masa depan kita semua," ulasnya dalam acara berkaitan yang dianjurkan secara hibrid pada 5 November 2021.

Menjelaskan dengan lebih lanjut, Kon Yeow memberitahu bahawa fasa dua Visi Penang2030 mengandungi tiga inisiatif penting iaitu Inisiatif Setempat, Inisiatif Pembangunan Komuniti dan Inisiatif Libat Urus Industri.



KETUA MENTERI bersama-sama Soon Lip Chee (kanan sekali) dan Dr. Gwee Sai Ling (kiri sekali) menunjukkan plak kempen Undi18 bersempena pengajian Bengkel Undi18: Edisi Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

manfaat 1.3 juta berusia antara 18 hingga 20 tahun.

"Sehubungan itu, golongan belia sedia ada perlu dipersiapkan untuk menjadi pemimpin-pemimpin belia yang berkaliber bagi mendepani cabaran kepimpinan negeri dan negara yang lebih luas," ujarnya sambil berharap negeri-negeri lain turut menyertai Kempen Undi18 yang digerakkan oleh NGO berkenaan.

Manakala, Pengasas Bersama Undi18, P. Tharma semasa menyampaikan ucapan alu-aluan merakamkan penghargaan atas komitmen Kerajaan Negeri dan PYDC dalam menyokong kempen yang dilaksanakan oleh NGO berkenaan.

"Daripada 135 peserta yang menyertai bengkel ini, 85 orang adalah anak Pulau Pinang yang dipilih selepas melalui sesi penapisan oleh barisan panel berkaliber," ulasnya sambil berharap Kerajaan Negeri Pulau Pinang dapat

memberi peluang kepada pemimpin muda menjadi calon dalam pilihan raya serta menyertai syarikat berkaitan kerajaan (GLC) negeri.

Difahamkan, Bengkel Undi18 Edisi Pulau Pinang bermula pada 6 November hingga 4 Disember 2021.

Para peserta melalui tujuh bengkel telah dilaksanakan khusus yang membincangkan pelbagai topik seperti berikut:-

- Bengkel 1: Kewangan dan Pendanaan Politik;
- Bengkel 2: Prosedur Parlimen;
- Bengkel 3: Proses Membuat Dasar Peringkat Persekutuan dan Negeri;
- Bengkel 4: Kempen Digital;
- Bengkel 5: Kemahiran Komunikasi Bersama-sama Media;
- Bengkel 6: Memahami Belanjawan Negara;
- Bengkel 7: Pengenalan Kepada Pembaharuan Institusi.

Kempen Undi18 Pulau Pinang harap buka lembaran baru negara

GEORGE TOWN - Kerajaan Negeri hari ini yang diterajui Pakatan Harapan mara selangkah lagi dengan pengajian Bengkel Undi18: Edisi Pulau Pinang yang melibatkan 85 anak jati negeri berkelayakan serta berkaliber.

Mereka melalui tujuh bengkel penting bermula awal Disember 2021 yang dikelolakan secara bersama antara pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Undi18 serta agensi negeri, Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC).

Semasa menyampaikan ucapan perasmian, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa pentadbirannya berharap segala usaha bersama tersebut akan membina barisan pelapis kepimpinan dalam kalangan anak muda yang berkaliber serta berwawasan dan seterusnya menyumbang kepada agenda pembangunan negeri dan negara suatu hari nanti.

"Sepertimana yang semua sedia maklum, Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang pada 1 September 2021 dengan sokongan penuh merentasi parti telah meluluskan penggubalan Rang Undang-Undang Perlembagaan Pulau Pinang (Pindaan 2021) yang membenarkan had usia kelayakan umum calon bagi kerusi DUN diubah daripada 21 tahun kepada 18 tahun dalam pilihan raya akan datang.

"Dengan kelulusan penggubalan undang-undang ini, ia adalah bukti komitmen serta kesediaan berterusan kita (Kerajaan Negeri Pakatan Harapan) untuk menerima dan mempersiapkan Pulau Pinang pada masa hadapan.

"(Dan) kita (Kerajaan Negeri) berharap Kempen Undi18 ini dapat membuka satu lembaran baharu kepada negara kita," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong dalam sesi telesidang berkaitan di sini pada 6 November 2021.

Bersamanya, Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee yang juga ADUN Bagan Jermal dan Pengurus Besar PYDC, Dr. Gwee Sai Ling.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu bahawa pentadbirannya terpanggil memberi sokongan kepada Kempen Undi18 kerana ia adalah selari dengan teras ketiga Visi Penang2030: Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara iaitu memperkasakan rakyat bagi meningkatkan penyertaan masyarakat.

Sementara itu, Lip Chee menyatakan bahawa Undi18 bakal dilaksanakan mulai bulan Januari 2022 dengan pendaftaran pemilih secara automatik yang bakal meningkatkan bilangan pengundi muda berumur 30 tahun dan ke bawah iaitu kira-kira 3.9 juta orang yang



Belacan Balik Pulau tembusi pasaran antarabangsa



TOH Tat Soon dan produk belacan keluarannya.

KEBANYAKAN juadah tradisional masyarakat di Malaysia menggunakan belacan iaitu sebatian udang yang diawet sebagai penambah perasa dalam sesuatu masakan.

Di Pulau Pinang, bahan masakan tersebut menjadi antara produk makanan popular dalam kalangan masyarakat tanpa mengira kaum dan latar belakang sehingga wujudnya beberapa perusahaan menghasilkan belacan.

Antara perusahaan belacan yang terkenal di negeri ini adalah belacan Hock Lee Manufacturer Sdn. Bhd. (Hock Lee) yang terletak di Pantai Aceh, Balik Pulau.

Justeru, Wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** bersama-sama jurugambar **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**, sempat mendekati pemilik perusahaan tersebut, **TOH TAT SOON** dalam satu lawatan baru-baru ini.

Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Yeoh Soon Hin dan Ahli Majlis Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Tan Chiew Choon turut menyertai lawatan tersebut.

Membuka bicara, Tat Soon memberitahu bahawa beliau merupakan generasi kedua menjalankan perniagaan yang diasaskan oleh bapanya sekitar tahun 1964.

"Perniagaan ini bermula daripada bapa saya pada tahun 1964, dan 30 tahun lepas, saya mula menceburkan diri dalam bidang pembuatan belacan untuk menyambung legasi bapa."

"Belacan dipilih sebagai sumber pendapatan kerana kita semua tahu, banyak masakan di Malaysia bahkan Asia memang menggunakan belacan sebagai ramuan."

"Ada yang masukkan belacan dalam masakan kari, kuah laksa, kangkung goreng, ayam goreng, sambal dan banyak lagi," ujarnya yang turut menjalankan aktiviti nelayan.

Pembuatan

Tat Soon menyatakan bahawa pembuatan belacan secara asasnya kelihatan mudah, namun untuk menghasilkan produk terbaik adalah memakan masa yang agak lama.

"Bahan asasnya iaitu udang perlu dikeringkan terlebih dahulu sehingga lima hingga enam jam selama dua minggu.

"Selepas itu, barulah udang boleh dicampur dengan air garam untuk dijadikan sebatian dengan menggunakan mesin sebelum diperam selama 45 hingga 60 hari.

"Komposisi yang digunakan adalah 70 peratus udang dan 30 peratus garam, dan tidak ada campuran bahan kimia lain selain garam sahaja," jelasnya.

Tambah Tat Soon, pembuatan belacan yang dihasilkan oleh syarikatnya turut mendapat panduan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi memastikan ia selamat untuk dijual.

Bagi menjamin aspek kebersihan pula, proses menjemur dan peraman belacan dilakukan di kawasan yang tertutup.

Tembusi pasaran luar

Belacan yang dibungkus menggunakan Cap Dua Udang tersebut bukan sahaja terkenal dalam kalangan peruncit di sekitar Pulau Mutiara malah turut menembusi pasaran antarabangsa seperti Australia, China dan Hong Kong.

"Restoran-restoran di sana (negara pengimpor) pun sudah pandai guna belacan dalam masakan mereka terutamanya di China yang semakin popular dengan ayam goreng belacan."



YEOH Soon Hin (tengah) dan Tan Chiew Choon (kiri sekali) merakam gambar kenangan di kilang pemprosesan belacan Cap Dua Udang.

"Untuk pasaran dalam negara, kami biasanya hantar kepada pelanggan di Kuala Lumpur selain terdapat beberapa ejen yang bertindak memasarkan belacan saya," ulasnya.

Harapan

Tat Soon sememangnya menzhirkan harapan agar satu hari nanti belacan keluaran syarikatnya mampu menembusi lebih banyak pasaran antarabangsa.

"Kalau dalam negara pun sudah cukup baik, namun besar harapan saya untuk menerima lebih banyak permintaan dari luar negara."

"Ini secara tidak langsung dapat mempromosikan barang buatan Malaysia khususnya Pulau Pinang dan Balik Pulau," katanya.

Bertanya mengenai legasi perniagaan, Tat Soon yang mempunyai anak tunggal tidak kisah sama ada anak lelakinya itu mahu meneruskan atau tidak.

"Saya bagi dia kebebasan, kalau dia mahu sambung itu satu perkara yang bagus, dan kalau tidak mahu pun saya tidak akan paksa."

"Mungkin dia mahu menceburkan diri dalam bidang lain yang lebih baik," ujarnya menutup bicara.



Oleh: AZMI HUSSIN



Projek pembangunan tetap dilaksana demi masa depan rakyat

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

Gambar : **CHAN KOK KUAN**

GEORGE TOWN – Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan tetap memastikan bahawa setiap projek pembangunan yang dirancang dilaksanakan mengikut jadual demi masa depan rakyat di negeri ini.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata, meskipun dalam tempoh pandemik ketika ini, projek-projek pembangunan tetap dilaksanakan memandangkan hampir kesemua projek telah dimulakan sebelum perintah kawalan pergerakan lagi.

“Projek-projek pembangunan ini termasuk projek pemulihan dan peremajaan aset-aset awam di tapak warisan bagi meningkatkan nilai monumen.

“Misalnya, projek di Fort Cornwallis ini yang mana kerja-kerja pemulihan dan pemberian dijangka akan siap menjelang tahun 2024.



ROSLI NOR.

“(Dan) pada masa sama, kita (Kerajaan Negeri) perlu memastikan bahawa projek-projek berkaitan warisan ini dipulihkan dengan mematuhi kriteria yang ditetapkan bagi mengelak ia ‘dikeluarkan’ daripada senarai (di bawah Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, UNESCO),” ujarnya dalam sidang media sejurus mengadakan lawatan ke lokasi berkaitan di sini pada 20 September 2021.

Hadir sama, Setiausaha Bandaraya bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato’ Ir. Addnan Mohd. Razali; Timbalan Pengarah 1 PLANMalaysia @Pulau Pinang, Tpr. Mohd. Bashir Sulaiman; Pengarah Urusan Think City, Hamdan Abdul Majeed; Timbalan Pengurus Besar Perbadanan Ketua Menteri (CMI) Pulau Pinang, S. Bharathi dan Pesuruhjaya Warisan Negeri Pulau Pinang, Datuk Rosli Nor.

Bercakap kepada pemberita selepas itu, Jagdeep memberitahu bahawa projek pengukuhan tembok penahan ombak sepanjang 570 meter di Jalan Tun Syed Sheh Barakbah dijangka siap pada suku pertama tahun 2022.

“Begitu juga sesiaran berdekatan Padang Kota Lama termasuk mewujudkan lingkaran kawasan hijau yang dilengkapi dengan kemudahan riadah dan rekreasi.

“Selain itu, projek yang telah siap sepenuhnya adalah baik pulih menara jam bersejarah, Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Fountain Garden bersebelah Dewan Bandaraya dan baik pulih Dewan Bandaraya.

“Semua projek ini adalah sebahagian daripada Rancangan Kawasan Khas (RKK) George Town dengan kerjasama George Town Conservation and Development Corporation (GTCDC) Sdn. Bhd. (sebagai entiti kegunaan khas),” jelasnya.

Sementara itu, Rosli ketika ditemui menzahirkan keyakinan bahawa kerja-



JAGDEEP Singh Deo menunjukkan beberapa ilustrasi artis berhubung projek pembangunan di Padang Kota Lama pada sidang media di sini baru-baru ini.

kerja pemulihan yang dijalankan di beberapa lokasi warisan akan mengembalikan semula sinar ‘mutiara’.

“Pihak kami akan memantau kerja-kerja pemulihan bagi memastikan garis panduan ditetapkan dipatuhi sepanjang masa.

“Langkah ini akan memberikan harapan kepada Pulau Pinang untuk menerima pengiktirafan daripada UNESCO selepas ini,” katanya.

Dalam perkembangan lain, Jagdeep turut merakamkan ucapan tahniah kepada Perbadanan Bukit Bendera (PBB) setelah menerima pengiktirafan sebagai kawasan Rizab Biosfera UNESCO pada 15 September 2021.

“Bagi pihak Kerajaan Negeri, kita mempunyai RKK Bukit Bendera yang diwartakan pada 1 September 2016.

“Salah satu keperluan penyediaan RKK ini adalah memanfaatkan produk

pelancongan serta memperkasakan industri pelancongan sebagai penggerak ekonomi negeri.

“Walau bagaimanapun, timbul kerisauan berhubung cadangan projek kereta kabel yang terletak dalam zon peralihan.

“(Melalui) RKK Bukit Bendera, kita akan melihat secara menyeluruh serta memastikan pembangunan yang terkawal, seimbang serta lestari dapat dicapai,” jelasnya.

Sebelum ini, sejumlah RM100 juta diperuntukkan bagi projek kereta kabel oleh Kerajaan Persekutuan semasa pentadbiran Pakatan Harapan namun dibatalkan oleh Perikatan Nasional pada April 2020.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang kemudiannya mengambil keputusan untuk membiayai projek ini melalui pembiayaan awam-swasta.

Terus laksana inisiatif pintar, capai sasaran ‘Negeri Pintar’

GEORGE TOWN – Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan terus melaksanakan 73 inisiatif pintar yang direncanakan bagi mencapai sasaran ‘Negeri Pintar’ selaras dengan Visi Penang2030.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata bahawa pandemik COVID-19 telah mengubah corak kehidupan harian.

“Penjarakan fizikal, bekerjadari rumah, perkhidmatan tanpa sentuhan (*contactless services*) dan kontak kini menjadi sebahagian daripada kehidupan kita.

“Di Pulau Pinang, terdapat banyak inisiatif pintar yang telah siap, sedang disiapkan dan dalam perancangan untuk dilaksanakan dalam tempoh terdekat.

“Salah satu kejayaan inisiatif pintar adalah dengan pelaksanaan transaksi tanpa tunai (e-pembayaran)

semasa tempoh krisis pandemik COVID-19.

“Walaupun pada permulaannya ramai yang merungut, tetapi kini lebih 80 peratus rakyat mula menerima dan menggunakan transaksi tanpa tunai sama ada dalam urusan jual beli atau pembayaran di kaunter pihak berkuasa tempatan.

“(Dan) transformasi ini akan diteruskan selaras hasrat Kerajaan Negeri dalam menjadikan Pulau Pinang sebuah ‘Negeri Pintar’ menjelang tahun 2030,” ujarnya pada pengajuran *Cities 4.0: Reimagining City Transformation* yang diadakan secara maya pada 21 September 2021.

Selain Jagdeep, turut serta dalam sesi “*Malaysia Smart Cities Leader’s Forum: How COVID-19 is Shifting Smart City Priorities*” ialah Setiausaha Bahagian Dasar dan Inspektorat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT),

Dr. Siti Muhaiza Sheikh Zainal; Pengarah dan Ketua Teknologi dan Inovasi, Pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah Iskandar (IRDA), Maimunah Jaafar serta Ketua Bahagian Perniagaan, Bandar dan Komunikasi, Cyberview Sdn. Bhd., Roni Shah Mustapha.

Dalam sesi sama, Jagdeep berharap kementerian berkaitan di peringkat Persekutuan dapat bekerjasama serta membantu Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk merealisasikan Visi Penang2030 ke arah menjadi Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara.

“Saya juga ingin memuji pengajuran *Cities 4.0* ini yang mana semua pihak berkepentingan dapat berkumpul secara interaktif mencari penyelesaian dan membincangkan amalan terbaik ke arah menjayakan inisiatif pintar,” katanya.

Tech Dome Penang

pusat interaktif sains dan teknologi

BERMULA 15 Oktober 2021, pusat penemuan sains, Tech Dome Penang (TDP) dibuka semula kepada umum setelah ditutup sejak bulan Mei akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) (yang berkuat kuasa pada 10 Mei 2021).

Penutupan operasi pusat interaktif tersebut disifatkan sebagai tempoh yang sukar dan bimbang kemungkinan kesan-kesan lain akibat PKP yang berpanjangan.

Wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** bersama-sama jurugambar, **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS** baru-baru ini sempat menemu bual Ketua Pegawai Eksekutif TDP, **TS. KHOO BOO WOOL**.

Menurut Boo Wooi, semasa penutupan TDP, pihaknya mengambil inisiatif mengadakan aktiviti interaktif secara maya.

"Misalnya, acara pertandingan sukan dalam talian seperti 'Virtual Glow Walk' yang menerima penyertaan menggalakkan walaupun secara maya.

"Acara ini memperoleh kerjasama beberapa badan profesional dan telah menarik minat *Institute of Engineering United Kingdom* (IEUK).

"Aktiviti-aktiviti interaktif secara dalam talian diadakan setelah program secara bersemuka dan sentuhan tidak dibenarkan sekian lama sejak COVID-19 diisyiharkan sebagai pandemik pada tahun lalu," ujarnya yang berharap peralihan fasa Pelan Pemulihhan Negara (PPN) kini memberi sinar semula untuk TDP kembali menjadi tumpuan umum.

Walaupun pengoperasian baru-baru ini hanya terhad pada hari Jumaat, Sabtu dan Ahad sahaja, namun Boo Wooi kekal positif serta yakin untuk kembali beroperasi sepenuhnya.



TS. Khoo Boo Wooi.

"Kehadiran secara harian melebihi 100 pengunjung, hujung minggu boleh cecah hingga 500 orang.

"Selepas kebenaran rentas negeri diberikan, TDP menerima ramai pengunjung dari luar Pulau Pinang seperti Kedah, Selangor, Negeri Sembilan dan sebagainya," katanya yang berhasrat menjadikan TDP lebih berdaya saing pada masa hadapan.

Malah, Boo Wooi turut mengalukan orang ramai untuk merasai sendiri pengalaman yang mengujakan di TDP.

Cabar Pupuk Minat

Cabar utama adalah memupuk minat dalam kalangan pelajar bagi meminati bidang sains.

"Bukan mudah untuk mengubah persepsi, tambahan pula ramai (pelajar) mengeluh mengenai subjek berkaitan sains seperti matematik.

"Ibu bapa perlu memainkan peranan penting sebagai langkah pertama untuk anak-anak meminati subjek sains selain cikgu di sekolah.

"Justeru, baru-baru ini TDP telah menganjurkan forum (secara maya) dengan menjemput badan-badan profesional untuk terangkan bahawa sektor industri memerlukan ramai jurutera.

"(Dan) melalui forum tersebut, kami berikan kefahaman kepada pelajar-pelajar bahawa kehidupan seseorang jurutera sebenarnya tidaklah membosankan dan 'menakutkan'.

"Selain itu, kami turut menerangkan logik masa hadapan yang mana pelbagai perkara bakal 'diambil alih' oleh mesin yang sememangnya memerlukan teknologi serta tenaga kerja mahir dan profesional," ujarnya yang kini menggalas tanggungjawab mengemudi TDP daripada Dr. Khong Yoon Loong pada Mac lalu.

Difahamkan, aktiviti dan forum yang dianjurkan TDP dengan kerjasama pelbagai pihak memperoleh sambutan positif, malah pernah mencapai sehingga 3,000 penyertaan.

Memasuki Fasa 4 di bawah PPN bermula 8 November 2021, TDP



merancang untuk mengadakan aktiviti-aktiviti secara fizikal pada skala kecil terlebih dahulu dengan mengikut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan.

"Serentak itu, TDP juga dalam perancangan membawa jurutera ke sekolah-sekolah, mengadakan beberapa pertandingan dan menganjurkan 'Grand STEM' (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik).

"Antara aktiviti yang bakal menjadi fokus adalah permainan robotik, permainan mereka cipta, bengkel bagi subjek fizik dan kimia serta pencetakan tiga dimensi (3D).

"Pada masa sama, TDP juga akan meneruskan beberapa program secara dalam talian dan seterusnya merealisasikan visi serta misi penubuhan TDP," ulasnya.

Perancangan Masa Depan

TDP bercadang untuk turut menjalin kerjasama dengan sebuah syarikat perisian dari negara India bagi pembelajaran berkaitan mesin atau 'machine learning' iaitu perisian pengecaman wajah untuk pelajar peringkat menengah.

Boo Wooi menyatakan bahawa pihaknya juga bakal menganjurkan 'Penang Literacy Camp' pada tahun ini.

"Segala data dan maklumat boleh didapati melalui Facebook Tech Dome Penang yang mana projek kem tersebut memberi fokus terhadap pembangunan kecerdasan buatan (AI) serta analisis data.

"Umumnya, kita juga perlu sedar bahawa teknologi sememangnya berkembang maju, namun apabila terjadinya pandemik

GELUNGSUR gergasi yang merupakan salah satu identiti TDP pastinya mampu mencabar adrenalin anda.

PARA pengunjung cilik mencuba sebahagian permainan berteraskan sains dan teknologi di TDP.

COVID-19, teknologi bergerak lebih pantas daripada apa yang kita jangkakan," kongsinya yang mahu melihat TDP bergerak seiring dengan perkembangan teknologi semasa.

Harapan

Walaupun TDP mempunyai saiz yang lebih kecil, namun adalah besar harapan Boo Wooi untuk membawa pusat interaktif sains dan teknologi berkaitan jauh ke hadapan.

Beliau dalam pada itu turut menzahirkan hasrat untuk menjadikan TDP sebagai pusat pameran sains di Pulau Pinang setanding lokasi ibu negara.

"Sekarang orang luar Pulau Pinang juga telah mula mengenali TDP dengan promosi dan sambutan yang diterima sebelum pandemik.

"Saya harap selepas ini TDP boleh mengorak langkah lebih jauh, menjadi terkenal melalui aktiviti-aktiviti serta pameran yang disajikan untuk menarik perhatian umum," katanya sebagai penutup bicara.

TDP merupakan inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mewujudkan sebuah hab pembelajaran sains dan teknologi selain menjadi pusat bertukar-tukar idea bagi meningkatkan keupayaan sains serta teknologi di negeri ini.

Terdapat lebih 120 pameran interaktif, TDP kini menjadi salah satu lokasi wajib dikunjungi apabila anda bercuti ke Pulau Pinang.

Maklumat lanjut sila layari Facebook Tech Dome Penang atau hadir ke Geodesic Dome Komtar, George Town.



BAHAGIAN depan bangunan BDL.

Perpustakaan Digital Butterworth rangkul dua anugerah



SALAH satu sijil penghargaan diterima.

hijau di negara ini.

“Dua anugerah ini sama sekali di luar jangkaan kerana saingan agak sengit dalam kategori berkaitan,” jelasnya.

Tambah Ahmad Zaini, saingan kedua-dua anugerah tersebut boleh dikatakan adalah agak sengit kerana menerima lebih 100 penyertaan termasuk firma seni bina dari luar negara.

“Saya menghantar penyertaan BDL pada tahun lepas bagi kedua-dua kategori, dan keputusannya diketahui pada tahun ini.

“Oleh kerana PKP (Perintah Kawalan Pergerakan), majlis penyampaian Anugerah PAM 2020 dilangsungkan secara dalam talian pada 6 Januari 2021 dan pada April lepas bagi Anugerah Reka MIID 2020.

“Kalau ditanya kepada saya, ini adalah kejayaan semua pihak yang terlibat termasuk Perbadanan Ketua Menteri (CMI) dengan kerjasama Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan Think City Sdn. Bhd.

“Sangat besar penghargaan ini buat saya sendiri sebenarnya,” ujarnya dalam nada sederhana.



BDL yang menjadi tumpuan pelajar.

Bercerita lanjut, Ahmad Zaini memberitahu bahawa firma seni bina beliau berada di Lembah Klang, namun, turut membuka cawangan di Butterworth.

Salah satu sebab beliau terpanggil untuk mengambil bahagian mengubah bangunan lama menjadi BDL adalah kerana Butterworth merupakan kampung halamannya.

“Saya anggap BDL ini umpama legasi saya untuk masyarakat setempat memandangkan saya juga dilahirkan dan dibesarkan di sini.

“Walaupun jauh merantau di tempat orang, kenangan masih berharga di tempat sendiri.

Justeru, saya gembira kerana dapat menyumbang sesuatu yang berharga kepada komuniti saya melalui projek seumpama ini... bagi saya, ia sangat meningkatkan kualiti hidup penduduk setempat,” ulasnya.

Sambil membawa Buletin Mutiara melihat keunikan reka bentuk dalaman BDL, Ahmad Zaini memberitahu bahawa perpustakaan tersebut bukan sekadar ‘pusat membaca tanpa buku fizikal’.

“Walaupun konsepnya adalah hampir sama dengan Perpustakaan Digital Pulau Pinang (PDL) yang terletak dekat Penang Free School (dekat George Town), bezanya di sini adalah BDL dikepung oleh kawasan kediaman berstrata serta di tengah-tengah komuniti penduduk.

“Pada mulanya, ada pelbagai pihak tempatan kurang bersetuju dengan cadangan untuk mewujudkan BDL di sini kerana akan menambahkan lagi kesesakan trafik, namun, selepas perpustakaan digital ini siap, mereka merasakan ia sangat memberi manfaat kepada anak-anak tempatan.

AHMAD Zaini Zainul Abidin (kiri sekali) dan Timbalan Pengurus CMI, S. Bharathi (kanan sekali) semasa mengadakan kunjungan hormat terhadap Ketua Menteri dekat Komtar baru-baru ini.

“Ini kerana, lebih mudah untuk orang ramai berjalan kaki sahaja untuk ke perpustakaan ini kerana ia terletak dalam kawasan kejiranan mereka.

“Bagi yang tiada peranti, mereka turut boleh menggunakan peranti yang disediakan di perpustakaan digital ini.

“Di samping itu, untuk menambah lagi nilai pada bangunan lama dan terbari di sini, kita cuba memuatkan elemen kehijauan yang terserah pada luaran dan dalaman BDL.

“Pada saya, daripada membiarkan bangunan lama tanpa nilai tambah baharu atau merobohkan bangunan itu, adalah lebih wajar kita mengubah suai serta meremajakan struktur fizikal sedia ada demi meningkatkan kualiti hidup rakyat.

“Jadi, itu yang saya fikir di sebalik cadangan mewujudkan reka bentuk dalaman dengan elemen hijau dan moden pada BDL,” jelasnya.

Terletak di Kampung Benggali dekat Bagan, BDL yang terdiri daripada bangunan dua tingkat, lengkap dengan kemudahan lain seperti fasiliti perpustakaan digital, bilik telesidang, dewan persidangan dan kamar seminar pelbagai guna serta taman permainan dalaman kanak-kanak sudah tentu memberi manfaat terbanyak kepada rakyat Pulau Pinang terutama penduduk lokal.

Projek BDL diumumkan pada tahun 2018, yang mana kerja-kerja pemajuan bermula pada April 2019 dan siap pada Januari 2020 dengan kos kira-kira RM6.6 juta.

